



NEWS CLIPPINGS



Headline : Deleum antara catat untung tertinggi, bida kontrak RM2 billion tahun ini
Media : Bernama Webnews
Day/Date : 17 May 2013
Page :
Links : <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/bu/newsbusiness.php?id=950388>

Deleum Antara Catat Untung Tertinggi, Bida Kontrak RM2 Bilion Tahun Ini

KUALA LUMPUR, 17 Mei (Bernama) -- Deleum Bhd muncul antara kaunter yang mencatat keuntungan tertinggi pada akhir sesi dagangan pagi hari ini selepas syarikat itu mengumumkan ia menyertai bidaan untuk kontrak bernilai RM2 bilion tahun ini.

Kontrak itu membabitkan kerja-kerja berkaitan tenaga dan mesin, khidmat medan minyak dan penyelenggaraan, baik pulih dan pembaikan.

Pada rehat tengah hari, kaunter itu mencatatkan RM3.39, meningkat 19 sen atau 5.937 peratus, dengan 462,800 saham didagangkan.

Ia bergerak antara RM3.23 dan RM3.42 dalam dagangan tiga jam.

Penyedia perkhidmatan minyak dan gas itu kini memperoleh kontrak bernilai RM1.4 bilion yang bertahan sehingga 2018.

Ia mencatat keputusan terbaik, dengan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM67.471 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Dis, 2012 berbanding RM45.709 juta pada 2011, manakala perolehan meningkat kepada RM473.240 juta berbanding RM396.303 juta sebelumnya.

-- BERNAMA